

10 APR 1998

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim turut hadir pada mesyuarat itu yang dijangka membincangkan perjalanan persidangan perwakilan bahagian yang berakhir 29 Mac lepas.

Mesyuarat juga dijangka mengesahkan tindakan-tindakan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti khususnya yang berkaitan mesyuarat peringkat bahagian itu.

Antara tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa yang dipengerusikan Anwar ialah mengarahkan semula mesyuarat bagi dua bahagian dan pergerakan pemuda di dua bahagian.

Mesyuarat juga dijangka membincangkan isu-isu ekonomi selain persiapan bagi Perhimpunan Agung parti Jun ini. -- BERNAMA

TM MAI